



Daily Express  
9/8/96.

Amat

## KM akan rasmi Minggu Perpaduan di Kampus UMS

KOTA KINABALU, Khamis – Pelbagai acara menarik akan diadakan bersempena dengan sambutan Minggu Perpaduan di negeri ini bertempat di kampus sementara Universiti Malaysia Sabah (UMS), bermula 9 hingga 15 September depan.

Minggu Perpaduan itu akan dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee.

Pemangku Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Negeri Sabah, Encik Amat Rashid berkata, antara acara yang akan diadakan itu termasuklah pertandingan pidato, forum dan seminar integrasi nasional serta sukaneka perpaduan.

Katanya, semua penyertaan program itu akan membabitkan masyarakat awam, termasuk pelajar sekolah serta mahasiswa UMS, Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Sabah, dan pelajar institut pengajian tinggi swasta di negeri ini.

Menurutnya, pemilihan UMS sebagai tempat pelaksanaan Minggu Perpaduan itu kerana jabatan mahu menumpukan kepada aspek keilmuan.

“Ini juga sebagai mengurangkan polarisasi kaum di kalangan siswa pusat pengajian tinggi supaya memahami keadaan sebenar erti perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di negara ini,” katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di pejabatnya, pagi tadi.

Amat berkata, sambutan Minggu Perpaduan itu turut dilaksanakan di seluruh negara dan ia dikenali sebagai Hari Perpaduan untuk peringkat kebangsaan yang diadakan di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya, pada 16 September.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohammad akan melakukan pelancaran program peringkat kebangsaan itu.

Selain Minggu Perpaduan, jabatan itu juga turut menganjurkan kempen mengibar bendera berbasikal dan Larian Perpaduan di tempat berasingan di Kota Kinabalu dan Keningau, masing-masing pada 25 Ogos dan 29 Ogos depan.